

Headline	Gedik dalam hubungan		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	28 Jan 2014	Language	Malay
Circulation	173,387	Readership	699,000
Section	Supplement	Color	Full Color
Page No	7	ArticleSize	563 cm ²
AdValue	RM 11,127	PR Value	RM 33,382



Gedik dalam hubungan

Pemangkin kepada pencetusnya elemen mesra dalam rumah tangga

ALAM perkahwinan perlukan elemen lucu, mesra dan saling bergurau antara satu sama lain agar suasana rumah tangga tidak terus hambar. - Gambar hiasan

GEDIK! Itu kata generasi muda hari ini yang menonjolkan perasaan kurang senang sesetengah individu terhadap sikap wanita yang terlalu mengada-mengada apabila berkehendakkan sesuatu atau ketika bersama teman lelaki serta teman-teman lain di khalayak ramai.

Usah terlalu klise. Biar pun sikap seperti ini kurang disenangi, namun kita boleh cari pendekatan sudut positifnya, kerana sikap gedik juga sebenarnya boleh dipraktikkan kepada hubungan suami isteri.

Apabila pasangan mahu memesrakan hubungan yang semakin hambar, 'gedik' mempunyai caranya yang tersendiri.

Menurut Pensyarah Kaunseling Universiti Utara Malaysia, **Sabasiah Husin**, sikap gedik selalunya dilakukan oleh wanita yang lincah, aktif, senyuman menggoda, nakal dalam manja dan banyak bercakap, namun semua elemen ini boleh disalurkan kepada hubungan suami isteri khususnya apabila pasangan berkenaan sering sibuk.

"Bagusnya bersikap begini adalah dari segi sudut psikologi hubungan pasangan itu kerana setiap alam perkahwinan perlukan elemen lucu, mesra dan saling bergurau antara satu sama lain agar suasana rumah tangga tidak terus hambar.

"Gedik yang dimaksudkan adalah sikap bermanja-manja, liuk-lintuk dengan pasangan agar saling menggoda antara satu sama lain," jelasnya.

Apabila ditanya sekiranya dari mula hubungan dimulakan dengan cara gedik pasti tidak akan menimbulkan tanda tanya kepada pasangan, bagaimana pula sekiranya pasangan berkenaan 'baru' hendak memulakan sikap berkenaan, sudah tentu akan disalah anggap.

Dalam hal ini Sabasiah menjelaskan, pada mulanya pasangan mungkin terasa agak canggung kerana perlakuan ini di luar daripada kebiasaan, namun apabila kedua-dua pasangan selalu melakukan, pasti mereka sudah mula boleh menerima keadaan ini.

"Di sini pentingnya sikap *extrovert*, iaitu individu yang akan memulakan dahulu setiap langkah seperti menghulurkan teguran, yang mula-mula memberikan senyuman, memulakan godaan dan sebagainya kepada individu yang *introvert*.



Intim



SABASIAH HUSIN

"Individu yang bersikap *introvert* adalah mereka yang selalu menunggu sahaja dalam tingkah laku mereka dan hanya akan respons setelah ada orang yang memulakannya terlebih dahulu.

"Jika anda mendapat pasangan *introvert*, andalah yang perlu menjadi *extrovert* dengan memulakan setiap langkah awal agar pasangan anda respons kepada anda dan lama-lama tingkah laku saling bermesra akan mula timbul dalam rumah tangga kerana sudah menjadi kebiasaan," jelasnya.

Jelas Sabasiah, saat yang paling penting untuk pasangan saling menggoda adalah ketika pasangan berkenaan berdua-duaan sahaja kerana mungkin pasangan *introvert* tidak berapa selesa dengan sikap bermanja-manja di depan anak-anak. Sabasiah menjelaskan, pentingnya individu *extrovert*, dia yang akan menjadikan rumah tangganya bahagia dengan elemen-elemen penambahbaikan sambil dibantu oleh pasangannya yang *introvert*.

Namun Sabasiah menjelaskan, sikap gedik untuk pasangan berlawanan dengan sikap mengada-ngada. Menurutnya, sikap mengada-mengada selalunya hanya hendak menunjukkan 'kebahagiaan' dirinya dan pasangan kepada orang lain.

"Dalam hubungan suami isteri semua sikap mesra suami isteri seelok-eloknya adalah menjadi rahsia kepada rumah tangga berkenaan tidak perlulah orang

lain tahu.

"Sebagai contoh kalau suami beri hadiah beg berharga RM10,000 misalnya, janganlah merengek hendakkan yang RM50,000 pula. Itu bukan gedik, tetapi mengada-ngada.

"Lagi satu, gedik yang sihat bersertakan niat bagi mengekalkan hubungan suami isteri, tetapi sewajarnya setiap perlakuan patut dilakukan berpada-pada takut nanti tidak terbawa dek usia, nanti lain pula ceritanya," katanya.